



يونيفرسيتي سلطان زين العابدين  
**UNISZA**  
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

# **GARIS PANDUAN PEMINDAHAN KREDIT**

**UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN**

**PUSAT PENGURUSAN KECEMERLANGAN &  
INOVASI AKADEMIK**

Edisi 2022

## **OBJEKTIF**

Garis panduan ini dibangunkan bertujuan:

- (a) Menggariskan dasar pemindahan kredit yang dibuat termasuk kursus dalam talian (MOOC) dan mobiliti berkredit.
- (b) Memberi penjelasan dalam mengendalikan segala urusan berkaitan pemindahan kredit di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
- (c) Menjadi panduan untuk mewujudkan keseragaman dalam pelaksanaan pemindahan kredit di UniSZA.

## **SKOP**

Melibatkan semua Fakulti dan/atau Pusat Tanggungjawab (PTj) Akademik yang menawarkan program akademik peringkat Sarjana Muda dan/atau Diploma yang diluluskan oleh Senat dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

## **DEFINISI**

### **Pemindahan Kredit**

- Proses memindahkan kredit kursus yang telah diambil oleh pelajar dalam sesuatu program ke program lain yang membawa kepada penganugerahan kelayakan yang ditawarkan oleh institusi yang sama atau institusi yang berbeza. Proses ini membolehkan kredit bagi kursus tersebut dikira sebagai sebahagian daripada keperluan kredit bergraduat program tersebut. Pada asasnya, kursus yang boleh dipindahkan kredit adalah kursus yang setara dengan kursus di program yang membawa kepada penganugerahan kelayakan.

### **Pemindahan Kredit Vertikal**

- Pemindahan kredit daripada peringkat rendah ke peringkat yang lebih tinggi.

#### Pemindahan Kredit Horizontal

- Pemindahan kredit daripada program di tahap kelayakan yang sama seperti daripada sijil ke sijil, diploma ke diploma, sarjana muda ke sarjana muda.

#### Mobiliti Berkredit *Inbound*

- pelajar berdaftar di universiti lain (dalam atau di luar negara) dan mengambil kursus yang mempunyai nilai kredit di UniSZA.

#### Mobiliti Berkredit *Outbound*

- Pelajar UniSZA keluar ke universiti lain (dalam atau di luar negara) dan mengambil kursus yang mempunyai nilai kredit.

#### *Residential Year*

- Keberadaan pelajar secara fizikal atau bukan fizikal di Universiti yang menganugerahkan kelayakan dalam tempoh minimum yang ditetapkan.

#### *Massive Open Online Course (MOOC)*

- Kursus atau modul pembelajaran dalam talian yang ditawarkan secara terbuka kepada semua orang sama ada dalam atau luar negara. Kursus MOOC mesti dikendalikan oleh sekurang-kurangnya seorang fasilitator yang bertauliah.

#### Akreditasi Pengalaman Pembelajaran Terdahulu (APEL)

- Satu proses pengiktirafan kemahiran dan pengetahuan berasaskan pengalaman tidak formal terdahulu yang belum pernah dinilai atau diberi kredit.

## ISI KANDUNGAN

1.0	GARIS PANDUAN PEMINDAHAN KREDIT	1
	1.1 PENGENALAN	1
	1.2 DASAR PINDAH KREDIT	1
	1.3 GARIS PANDUAN PINDAH KREDIT	3
	1.4 PEMINDAHAN KREDIT KURSUS DALAM TALIAN	5
	1.5 PEMINDAHAN KREDIT MOBILITI	5
	1.6 PEMINDAHAN KREDIT PELAJAR LUAR NEGARA	6
2.0	GARIS PANDUAN PEMINDAHAN KREDIT KURSUS DALAM TALIAN	7
	2.1 PENGENALAN	7
	2.2 KURSUS MOOC YANG DIBENAR UNTUK DIBUAT PEMINDAHAN KREDIT	7
3.0	GARIS PANDUAN PEMINDAHAN KREDIT MOBILITI BERKREDIT	9
	3.1 PENGENALAN	9
	3.2 GARIS PANDUAN PEMINDAHAN KREDIT MOBILITI BERKREDIT	9
4.0	KAEDAH PELAKSANAAN PEMINDAHAN KREDIT	11
5.0	RUJUKAN	12

# 1.0 GARIS PANDUAN PEMINDAHAN KREDIT

## 1.1 PENGENALAN

Pemindahan kredit boleh dilakukan kepada pelajar UniSZA dan pelajar daripada Universiti lain yang diiktiraf oleh KPT atau diluluskan oleh Senat UniSZA.

Sebarang proses pemindahan kredit yang akan dilaksanakan adalah tertakluk kepada syarat awal kemasukan pelajar mengikut bidang yang dipohon di UniSZA.

## 1.2 DASAR PEMINDAHAN KREDIT

1.2.1 Pemindahan kredit daripada kelayakan Sijil (Tahap 3, Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF)) ke kelayakan Diploma (Tahap 4, MQF) dengan pindahan maksimum sebanyak 30% daripada jumlah kredit program yang sedang diikuti.

1.2.2 Pemindahan kredit untuk kelayakan Diploma (Tahap 4, MQF) ke Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) secara vertikal dengan pindahan maksimum sebanyak 50% daripada jumlah kredit program yang sedang diikuti dengan ketetapan berikut:

<b>Peratusan Pindah Kredit (%)</b>	<b>Gred Minimum Kursus</b>
1 hingga 30	<b>Gred C</b>
31 hingga 50	<b>Gred B</b>

1.2.3 Pemindahan kredit kepada pelajar yang telah memiliki kelayakan dan ingin melanjutkan pengajian untuk kali kedua pada peringkat kelayakan yang sama (Contoh: SM Dakwah ke SM Syariah):

(a) Bagi pelajar yang melanjutkan pengajian untuk kali kedua di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang sama, tiada had pindah kredit ditetapkan.

- (b) Bagi pelajar yang melanjutkan pengajian untuk kali kedua di IPT yang menganugerahkan kelayakan, tempoh pemastautin pelajar (*residential year*) mengikuti pengajian di peringkat Kedoktoran atau Sarjana dalam mod campuran dan kerja kursus, Sarjana Muda, Diploma atau Sijil adalah selama satu (1) semester.

1.2.4 Pemindahan kredit perlu berasaskan kepada pemetaan kursus dan tertakluk kepada syarat umum pindah kredit iaitu:

- (a) Gred lulus – gred minimum iaitu Gred C;
- (b) Nilai kredit – sama dengan nilai kredit kursus bagi program di IPT penerima;
- (c) Kesetaraan kurikulum kursus – tidak kurang daripada 80%;
- (d) Kursus yang boleh dipindah kredit hendaklah daripada program yang telah mendapat Akreditasi/Pengiktirafan daripada badan yang berautoriti di negara berkenaan; dan
- (e) Menerima gabungan maksimum dua (2) kursus untuk dipindahkan kredit kepada satu (1) kursus lain.

1.2.5 Pemindahan kredit boleh dilakukan bergantung kepada tempoh selama sekitar 5 tahun (***currency of knowledge***).

1.2.6 Program pengajian yang terlibat dalam pemindahan kredit hendaklah memenuhi ketetapan berikut:

- (a) Transkrip pelajar hendaklah menyatakan kursus yang melibatkan pemindahan kredit daripada IPT di dalam dan luar negara;
- (b) Program yang disertai oleh pelajar telah diiktiraf atau mendapat akreditasi di negara yang berkenaan; dan

- (c) Silibus, struktur dan cara pemindahan kredit bagi satu-satu program akademik yang ditawarkan telah diselaraskan di antara IPT yang berkaitan.

1.2.7 Semua program badan persijilan luar negara yang ditawarkan oleh IPT di Malaysia yang ingin membuat pemindahan kredit hendaklah memenuhi MQF.

### 1.3 GARIS PANDUAN PEMINDAHAN KREDIT UniSZA

1.3.1 Pemindahan kredit secara vertikal berdasarkan situasi berikut:

- (a) Pemindahan kredit daripada kelayakan Sijil (Tahap 3, MQF) ke kelayakan Diploma (Tahap 4, MQF) dengan pindahan maksimum sebanyak 30% daripada jumlah kredit program yang sedang diikuti.
- (b) Pemindahan kredit daripada Diploma (Tahap 4, MQF) ke kelayakan Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dengan pindahan maksimum sebanyak 50% daripada jumlah kredit program yang sedang diikuti dengan ketetapan berikut:

<b>Peratusan Pindah Kredit (%)</b>	<b>Gred Minimum Kursus</b>
1 hingga 30	<b>Gred C</b>
31 hingga 50	<b>Gred B</b>

- (c) Pemindahan kredit daripada pelajar yang berkelayakan *advanced diploma* (yang turut memiliki diploma) boleh dipertimbangkan pemindahan kredit sehingga maksimum dua tahun pengajian program peringkat sarjana muda (pelajar akan mengikuti tahun ketiga program sarjana muda).
- (d) Pemindahan kredit daripada kelayakan yang lebih tinggi ke program di peringkat yang lebih rendah tidak boleh dilakukan.

- (e) Pemindahan kredit bagi Latihan Industri adalah tidak dibenarkan memandangkan hasil pembelajaran Latihan Industri bagi peringkat Diploma (Tahap 4, MQF) dan Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) adalah berbeza.

### 1.3.2 Pemindahan kredit secara horizontal

1.3.2.1 Pemindahan kredit daripada pelajar yang sedang mengikuti program dan ingin menukar program lain dalam bidang yang sama dengan bidang yang sedang diikuti adalah dibenarkan.

(a) Tiada had pemindahan kredit kepada pelajar UniSZA tertakluk kepada syarat pemindahan kredit bagi program berkaitan yang diambil di UniSZA.

(b) Pemindahan kredit adalah tertakluk kepada syarat pemastautin pelajar sekiranya pelajar daripada IPT lain. Rujuk 1.2.3 (b).

1.3.2.2 Pemindahan kredit tidak berlaku kepada pelajar yang gagal program dan ingin melanjutkan pengajian dalam program di peringkat yang sama.

1.3.2.3 Pemindahan kredit boleh dipertimbangkan kepada pelajar yang berhenti belajar daripada pengajian dan kemudiannya ingin menyambung semula pengajian tetapi di dalam program lain di peringkat yang sama.

(a) Tiada had pemindahan kredit kepada pelajar UniSZA tertakluk kepada syarat pemindahan kredit bagi program berkaitan yang diambil di UniSZA.

(b) Pemindahan kredit adalah tertakluk kepada syarat pemastautin pelajar sekiranya pelajar daripada IPT lain.



- 1.3.2.4 Pemindahan kredit adalah dibenarkan kepada pelajar yang sedang mengikuti suatu program dan dalam masa yang sama mengambil beberapa kursus di IPT yang lain (contoh program mobiliti atau program pertukaran pelajar). Pemindahan kredit tersebut hendaklah tidak melebihi 50% daripada jumlah kredit program pengajian yang sedang diikuti dan ia adalah berdasarkan persetujuan antara IPT berkenaan dengan UniSZA.
- 1.3.2.5 Pemindahan kredit bagi kursus universiti Mata Pelajaran Umum (MPU) dibenarkan secara horizontal sahaja.
- 1.3.2.6 Pemindahan kredit tidak boleh dilakukan terhadap kursus ulangan yang mendapat gred gagal di tahap program semasa.

#### **1.4 PEMINDAHAN KREDIT KURSUS DALAM TALIAN**

Pemindahan kredit boleh dilakukan menggunakan kursus yang telah diambil secara dalam talian seperti MOOC dengan mata pelajaran yang setara atau dalam bidang yang dibenarkan sebagaimana yang ditawarkan di UniSZA. Rujuk perkara 2.0 Garis Panduan Pemindahan Kredit Kursus Dalam Talian bagi melihat perincian berhubung perkara ini.

#### **1.5 PEMINDAHAN KREDIT MOBILITI**

Pemindahan kredit boleh dilakukan menggunakan kursus atau program mobiliti berkredit yang telah diikuti dengan minimum satu (1) jam kredit. Satu (1) jam kredit adalah bersamaan dengan 40 jam pembelajaran anggaran (*notional*).

Rujuk perkara 3.0 Garis Panduan Pemindahan Kredit Mobilliti Berkredit bagi melihat perincian berhubung perkara ini.

$$\text{Jumlah Jam Kredit} = \frac{\text{Jumlah jam belajar}}{40}$$

## **1.6 PEMINDAHAN KREDIT PELAJAR LUAR NEGARA**

Pemindahan kredit adalah dibenarkan kepada pelajar lepasan mana-mana sijil dan diploma daripada mana-mana IPT luar negara yang mempunyai hubungan persetujuan atau kerjasama, yang tidak dapat menyambung pengajian di negara berkenaan tetapi memohon melanjutkan pengajian peringkat yang lebih tinggi sama ada diploma atau sarjana muda di UniSZA, dengan memenuhi syarat seperti berikut:

- (a) Pelajar perlu tamat dan lulus program berkenaan dengan lulus sekurang-kurangnya Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 2.0; atau
- (b) Pelajar boleh menyambung pengajian di UniSZA dengan mengikuti program kerjasama dan pindah kredit secara horizontal bagi kursus yang bersesuaian dengan kelulusan Senat; atau
- (c) Pelajar yang mendapat kebenaran bertulis daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau KPT sahaja yang dipertimbangkan untuk menyambung pengajian di UniSZA.

## **2.0 GARIS PANDUAN PEMINDAHAN KREDIT MENGUNAKAN KURSUS YANG DIAMBIL SECARA DALAM TALIAN (MOOC)**

### **2.1 PENGENALAN**

MOOC (*Massive Open Online Courses*) adalah kursus atau modul pembelajaran dalam talian yang ditawarkan secara terbuka kepada semua meliputi dalam dan luar negara. Kursus MOOC disyaratkan mesti mempunyai sekurang-kurangnya seorang fasilitator yang bertauliah dengan sesuatu institusi yang bertanggungjawab mengendalikan kursus tersebut secara dalam talian.

### **2.2 KURSUS MOOC YANG DIBENAR UNTUK PEMINDAHAN KREDIT**

Kursus dalam pengajian semasa yang ingin dibuat pemindahan kredit perlu memenuhi syarat berikut: -

2.3.1 Pemindahan kredit untuk MOOC adalah terhad kepada kursus dalam program yang telah mendapat akreditasi sementara atau penuh daripada MQA serta kelulusan oleh KPT.

2.3.2 Kursus tersebut mestilah tidak mempunyai pra-syarat kursus lain, ataupun kursus pra-syarat baginya telah pun dipenuhi.

2.3.3 Fakulti bertanggungjawab untuk menentukan kursus yang layak untuk diberi pemindahan kredit. Walau bagaimanapun, pemindahan kredit tidak dibenarkan untuk latihan industri/praktikal/projek tahun akhir/disertasi/tesis.

2.3.4 Kursus tersebut bukan kursus wajib program, atau kursus pengkhususan program yang telah diambil secara bersemuka dan mendapat gred gagal. Namun untuk kursus bersifat elektif, pelajar boleh memohon

pemindahan kredit bagi menggantikan kursus elektif yang diambil secara MOOC.

2.3.5 Kursus yang telah diberikan status pemindahan kredit melalui MOOC hanya diambil kira sebagai sebahagian daripada jumlah jam kredit bergraduat. Gred kursus yang telah diambil dalam talian tersebut tidak memberi kesan kepada pengiraan Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)

2.3.6 Jumlah bilangan kursus MOOC yang dibenarkan untuk dibuat pemindahan boleh dipertimbangkan sehingga had maksima 60% daripada jumlah keseluruhan jam kredit bagi sesuatu program pengajian yang sedang diikuti.

2.3.7 Permohonan perlu mengemukakan sijil tamat kursus dalam talian (*certificate of completion*). Tempoh sah laku sijil adalah tiga (3) tahun dari tarikh sijil tersebut diperolehi.

## 3.0 GARIS PANDUAN PEMINDAHAN KREDIT PROGRAM MOBILITI BERKREDIT

### 3.1 PENGENALAN

Definisi program mobiliti berkredit *inbound* ialah pelajar berdaftar di universiti lain sama ada dalam atau luar negara dan mengambil kursus yang mempunyai nilai kredit di UniSZA. Program mobiliti berkredit *outbound* ialah pelajar UniSZA keluar ke universiti lain sama ada dalam atau luar negara yang mempunyai nilai kredit.

### 3.2 GARIS PANDUAN PEMINDAHAN KREDIT PROGRAM MOBILITI BERKREDIT

3.2.1 Tempoh minimum pelajar mengikuti program mobiliti berkredit adalah satu (1) jam kredit dan dibenarkan sehingga maksimum 42 jam kredit atau setahun pengajian.

3.2.4 Pemindahan kredit bagi kursus yang diambil semasa mengikuti program mobiliti berkredit (*outbound*) tersebut disetarakan dengan kursus yang ada di dalam struktur pengajian. Kod kursus yang dipaparkan pada transkrip adalah kod kursus daripada struktur pengajian dan dicatat sebagai "MOBILITI".

Jadual 1: Contoh paparan transkrip pemindahan kredit

KOD	KURSUS	KREDIT	GRED	CATATAN
FSI10103*	KIMIA ORGANIK DAN ANLISIS*	3	A	MOBILITI
FSI10203*	MIKROBIOLOGI MAKANAN ASAS*	3	A	MOBILITI

\*Kod dan nama kursus di UniSZA

3.2.5 Keputusan peperiksaan pelajar setelah tamat mobiliti bercredit di *Host University* perlu disetarakan dengan gred pemarkahan UniSZA dan mendapat pengesahan daripada Senat.

3.2.6 Pemindahan kredit tidak boleh berlaku bagi kursus yang tidak memenuhi kesetaraan. Ia akan dikira sebagai kursus LULUS/GAGAL. Kursus tersebut akan dipaparkan di dalam transkrip sebagai kursus Audit (AU) dengan memaparkan kod kursus yang didaftarkan di *Host University* semasa mengikuti program mobiliti.

Jadual 2: Contoh paparan transkrip kursus AUDIT

KOD	KURSUS	KREDIT	GRED	CATATAN
STT2027	FUN BAHASA INDONESIA & CULTURE COURSE	3	AU LULUS	MOBILITI

\*Kod dan nama kursus di *Host university*

## 4.0 KAEDAH PELAKSANAAN PEMINDAHAN KREDIT

- 4.1 Pelaksanaan pemindahan kredit adalah berdasarkan permohonan pelajar.
- 4.2 Fakulti perlu menilai kesetaraan kursus yang dipohon untuk pemindahan kredit melalui Jawatankuasa di peringkat fakulti. Kesetaraan kursus antara dua (2) IPT perlu mendapat kelulusan Senat.
- 4.3 Permohonan untuk pemindahan kredit (vertikal) hendaklah dibuat pada tahun pertama pengajian sahaja, manakala permohonan untuk pemindahan kredit (horizontal) boleh dibuat mengikut keperluan program. Permohonan perlu menggunakan **Borang Permohonan Pemindahan Kredit** yang boleh dimuat turun di laman web Pusat Kecemerlangan dan Inovasi Akademik (CoMAE-i). Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan Fakulti melalui Dekan selewat-lewatnya hari terakhir bekerja minggu kedua semester biasa bersama-sama dengan:
  - (a) Silibus dan sistem pemarkahan kursus yang dipohon untuk pemindahan kredit.
  - (b) Satu salinan sijil/diploma/ sarjana muda dan transkrip berkenaan yang telah disahkan.
- 4.4 Kursus yang tidak memenuhi kesetaraan bagi pemindahan kredit horizontal dan mobiliti ber kredit akan dipaparkan di dalam transkrip sebagai kursus Audit (AU). PNGS dan PNGK tidak akan diambil kira.
- 4.5 Sila rujuk dokumen kualiti untuk proses kerja yang lebih terperinci,

## 5.0 RUJUKAN

Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik, (2014). Dokumen Bengkel Pembangunan Rubrik CAP e-Learning. 31 Mei – 1 Jun 2014. Jabatan Pendidikan Tinggi.

Dasar-Dasar Jaminan Kualiti Pengajian Tinggi, Agensi Kelayakan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Kementerian Pendidikan Tinggi. (2016). Dasar e-Pembelajaran Negara 2.0. Jabatan Pendidikan Tinggi.

Malaysian Qualifications Agency. (2009). Guideline to Good Practices: Accreditation of Prior Learning. Dicapai daripada <http://www.mqa.gov.my/APEL/pdf/GGP.pdf>.

Mesyuarat Kajian Semula Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Antara MQA dan KPT Tahun 2011.

Ministry of Education. (2015). e-Learning Guidelines for Malaysian HEIs. Putra Jaya: BPM.

Ministry of Education. (2016a). Guidelines for Development and Delivery of Malaysia MOOC. Putra Jaya: BPPA.

Ministry of Education. (2016b). Guidelines on Credit Transfer for MOOCs. Petaling Jaya: MQA.

Surat Pemakluman Berkaitan Dasar Pindah Kredit daripada Jabatan Pendidikan Tinggi bertarikh 25 April 2016

Surat Makluman MQA Bil 2/2020 Berkaitan Penambahbaikan Dasar Pindah Kredit daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bertarikh 30 Januari 2020.



Surat Makluman MQA Bil 9/2020 Berkaitan Penambahbaikan Dasar Pindah Kredit - Tempoh Pemastautin daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bertarikh 3 September 2020.

Surat Makluman MQA Bil 2/2021 Berkaitan Pengemaskinian Istilah *Academic Residential Requirement* daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bertarikh 21 Januari 2021.

Surat Makluman MQA Bil 7/2021 Berkaitan Penambahbaikan Pindah Kredit *Massive Open Online Courses* (MOOC) dengan Gred daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bertarikh 18 Mei 2021.

Kompilasi Dasar Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi (2009-2020)